
SURAT PERJANJIAN

SURAT PERJANJIAN ini diperbuat di Daerah Baling, Kedah Darul Aman pada
15 Jun 2013.

Diantara:

LUQMAN BIN MOHAMMAD NOR

KP : 810904025169

Beralamat : No.39, Kampung Bukit Terabak,
09200, Kupang, Baling,
Kedah Darulaman.

Dengan

SHAPARIZA BINTI PUTEH

KP: 720715025064

Beralamat : No 73, Taman Harmoni,
09100 Baling, Kedah

Pada tarikh perjanjian ini dibuat Pihak Pertama mengaku adalah pemilik / tuannya sebuah Rumah Kediaman beralamat **No.2, Taman Desan Kenanga, Kampung Bukit Terabak, 09200, Kupang, Baling, Kedah.**

Maka pada hari ini Pihak Pertama dengan suci hati dan sempurna fikiran bersetuju member sewa Rumah Kediaman tersebut kepada Pihak Kedua selama masa **tiga (03) Tahun** dengan kadar sewaan sebanyak **RM 450.00 (Ringgit Malaysia Empat Ratus Lima Puluh)** sebulan berkuatkuasa pada tarikh perjanjian ini untuk dijadikan **TADIKA / TABIKA** dengan syarat-syarat dan butiran perjanjian yang dipersetujui seperti berikut



FAKULTI PENDIDIKAN DAN BAHASA

HBEF 2703 SMP

TAJUK KURSUS : KO-KURIKULUM

(T1A4)

NAMA : SHAPARIZA BT. PUTEH
NO. MATRIKULASI : 720715-02-5064001
NO. KAD PENGENALAN : 720715-02-5064
NO. TELEFON BIMBIT : 019-4969260
E-MAIL : shapa4434@gmail.com
PUSAT PEMBELAJARAN : PUSAT PEMBELAJARAN
SUNGAI PETANI, KEDAH.

JANUARI 2013 Semester

**KELAB BOLA JARING
SEKOLAH KEBANGSAAN TUNKU PUTERA
09100 BALING, KEDAH.**

**JURNAL REFLEKTIF
KARNIVAL PERTANDINGAN BOLA JARING PERINGKAT SEKOLAH.**

Matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang sempurna dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan akhlak. Sememangnya bidang kokurikulum satu cabang untuk melahirkan pelajar yang mempunyai ketahanan diri seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kelab Bola Jaring ini adalah salah satu unit di bawah Kokurikulum yang cuba mengembang minat dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang asas-asas dan

teknik permainan bola jaring.Selain itu objektif Kelab Bola Jaring ini juga menyemai kesedaran pelajar terhadap agama dan kepercayaan kepada Tuhan, memupuk dan mencari bakat baru serta mengukuh perhubungan dan pergaulan pelajar.Untuk melaksanakan.Sebagai guru penasihat yang dilantik oleh Guru Besar saya haruslah merangka dan merancang aktiviti yang berkesan kepada ahli Kelab Bola Jaring.Perancangan satu penggal yang dibuat dari tarikh 02.01.2013 hingga ke pertandingan akhir antara rumah sukan pada 22.05.2013.Selepas selesai melakukan perancangan, saya mengadakan mesyuarat bersama Kelab Bola Jaring untuk menerangkan aktiviti yang akan dilakukan, disamping itu saya dan guru penasihat memerlukan bantuan ahli Jawatankuasa untuk melaksanakan program yang sudah diaturkan seperti Karnival Bola Jaring peringkat sekolah.

Jawatankuasa Kelab Bola Jaring yang akan berperanan untuk menjayakan program Karnival ini dengan dibimbing oleh saya dan guru penasihat lain iaitu Cikgu Anita dan Cikgu Zaiton.Pembahagian tugas dilaksanakan untuk bahagian promosi di dalam kelas, membantu saya, cikgu Anita dan Cikgu Zaiton menyediakan gelanggang pertandingan. Kami menggunakan padang sekolah sebagai gelanggang permainan bola jaring. Selain itu ada jawatankuasa yang akan menyediakan peralatan untuk pertandingan seperti bibs, bola, tiang gol, wisel, papan kenyataan dan yang berkaitan.Setiausaha Kelab Bola Jaring yang akan menyiapkan kertas kerja disamping menyiapkan surat untuk memohon meminjam peralatan untuk latihan dan pertandingan,surat kebenaran menggunakan pada padang sekolah sebagai tempat karnival,surat lantikan pengadil, surat mesyuarat dan lain-lain yang berkaitan. Sebelum menjalankan dan merancang tindakan ini, saya dan guru penasihat lain mengadakan perjumpaan dengan Penolong Kanan Kokurikulum Puan Hamidah bt. Halid untuk berbincang dan meminta pendapat dan pandangan beliau mengenai perancangan yang akan kami lakukan.Setelah mendapat persetujuan daripada pihak pentadbir bermulalah perjalanan yang kami rancang bersama semua pelajar dibawah bumbung Kelab Bola Jaring SK. Tunku Putera.

Aktiviti yang saya bincang bersama guru penasihat lain seperti penerangan peraturan dan undang-undang, latihan individu, latihan berpasangan dan latihan dalam bentuk kumpulan.Saya dan guru penasihat akan menjadi jurulatih kepada pemain setiap kali aktiviti diadakan. Selain itu kami juga menekan disiplin kepada setiap ahli agar datang awal dan lengkap berpakaian sukan serta dengar dan patuh arahan jurulatih.Setiap kali ada perjumpaan iaitu hari Rabu setiap ahli mesti hadir dan melaporkan kehadiran kepada

saya atau guru penasihat lain. Banyak kekangan berlaku ketika latihan diadakan kerana gelanggang bola jaring berdekatan dengan padang bola sepak. Perasaan malu dan segan timbul dikalangan pelajar perempuan apabila pelajar lelaki melihat mereka melakukan aktiviti lompatan, tangkapan bola, larian. Selain gangguan bola sepak masuk gelanggang bola jaring kerap berlaku. Selain itu, masalah timbul, gelanggang yang tidak mempunyai garisan gelanggang, amat menyukar saya dan guru lain untuk menerang kawasan dan peraturan di dalam gelanggang bola jaring. Akhir sekali saya mengambil inisiatif mencari minyak hitam, bersama guru penasihat kelab bola jaring dan pelajar, kami berkerjasama membuat garisan gelanggang bola jaring. Peristiwa ini mengajar saya seperti pepatah Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh. Semasa aktiviti dijalankan saya sebagai jurulatih juga menyediakan perbagai aktiviti yang menarik seperti permainan Bola Monyet untuk mengelak pemain menjadi bosan. Permainan ini juga mempunyai kemahiran gerak kaki dan bijak mencari ruang. Permainan ini amat penting dikuasai oleh pemain, untuk meningkatkan kebolehan mereka apabila berada di dalam gelanggang.

Kelebihan mengadakan aktiviti ini untuk memupuk sikap yakin diri pelajar, pengalaman dan pengetahuan yang baru di luar darjah, penerapan nilai-nilai murni seperti kerjasama, toleransi, hormat - menghormati dan sebagainya. Pada akhir perjalanan aktiviti latihan ini saya dapati beberapa kelemahan dikenalpasti sepanjang aktiviti dijalankan. Mempelbagaikan aktiviti dan menyelitkan permainan Bola Monyet yang sesuai dalam program amat tepat sekali. Ini memberi peluang kepada semua murid melibatkan diri disamping dapat berseronok dengan rakan-rakan satu pasukan. Antara kelebihan atau manfaat penganjuran aktiviti latihan permainan bola jaring adalah untuk melatih setiap pemain pandai berdikari dan memupuk sikap yakin kepada diri sendiri, mengembangkan minat dan bakat setiap pemain dan mempertingkatkan ciri-ciri kepimpinan, ketabahan dan kecekalan menghadapi masalah. Setiap permainan pasti ada peraturan dan undang-undang begitu jugalah permainan bola jaring ini, sebelum memulakan latihan permainan ini, saya dan guru penasihat lain iaitu Cikgu Anita dan Cikgu Zaiton, kami berbincang dahulu, kemudian kami menetapkan pada 09.01.2013, akan menerangkan cara peraturan dan undang-undang permainan bola jaring.

Dalam penerangan ini, saya menerangkan kepada pemain, bahawa permainan ini memerlukan dua kumpulan yang terdiri 7 pemain setiap kumpulan dan 3 pemain simpanan. Setiap kumpulan harus mempunyai pemain untuk GS, GK, WA, WD, GA, GD, dan C dan saya juga menerangkan kawasan setiap pemain yang boleh bergerak di dalam

permainan. Permainan bola jaring ini akan diadili oleh 2 orang pengadil dikenali dengan nama Empayar. Saya juga memberitahu untuk memulakan permainan akan dimulakan dengan hantaran tengah. Hantaran tengah diambil secara bergilir-gilir selepas setiap jaringan. Hantaran ke dalam akan diberi kepada pihak lawan. Saya juga menekan kepada pemain akan tidak mengherok atau menggerakkan kaki ketika mendarat. Bola juga tidak boleh dihantar lebih dari satu kawasan tanpa disentuh atau tangkap dahulu. Pemain akan dianggap off side, jika memasuki kawasan lain selain kawasannya sama ada bersama bola ataupun tidak. Saya juga memberitahu jarak halangan dengan pihak lawan yang memegang bola ialah 0.9 meter (3 kaki). Pemain tidak dibenarkan sama sekali melakukan sentuhan dengan pemain lawan, sama ada secara sengaja atau tidak. Saya juga menghadapi cabaran untuk menggalakkan penyertaan pemain dalam aktiviti yang dianjurkan ini. Antara halangan yang dihadapi seperti masalah cuaca, kehadiran pemain yang tidak memuaskan, tiada sumber kewangan, kurang sokongan pihak pentadbir, peralatan yang tidak cukup dalam lain-lain lagi. Bagaimana saya tetap berazam akan berusaha untuk meneruskan perancangan dan menganjurkan Kanival Bola Jaring peringkat sekolah ini.

Pada minggu yang ke 17, bermulalah Karnival Bola Jaring diantara rumah sukan. Pasukan yang menang secara tidak langsung akan memberi kutipan mata kepada rumah sukan masing-masing. Pertandingan ini terbuka kepada semua murid Tahun 4, 5 dan 6. Seramai 40 orang murid terlibat iaitu 10 orang mengikut rumah sukan masing-masing iaitu rumah biru (Bendahara) Hijau (Temenggong), Merah (Laksamana) dan Kuning (Syahbandar). Penyertaan mengikut rumah sukan ini, bertujuan untuk menaikkan semangat juang yang tinggi bagi setiap pemain disamping sokongan yang padu daripada guru dan ahli pasukan rumah sukan masing-masing. Pasukan ini dibahagikan kumpulan A dan Kumpulan B. Ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada guru-guru telah banyak memberikan kerjasama dalam menjayakan Karnival Bola Jaring ini. Sistem undian yang kami gunakan sepanjang karnival ini adalah berciri sistem undian tradisional iaitu " Melambung Duit Syiling ". Undian unit ini menjadikan keadaan lebih menyeronokkan dan tidak terlalu formal dan membosankan para peserta.

Sepanjang mengadili pertandingan antara empat kumpulan ini, saya mendapati ada segelintir pemain yang masih kurang mahir apabila menghantar bola kepada rakan mereka. Ini dapat diperhatikan apabila murid yang datang dari keluarga yang tidak menggalakkan anak mereka mengikuti aktiviti kokurikulum terutamanya

permainan. Sepanjang karnival ini, saya mengambil kesempatan untuk mengumpulkan pemain-pemain yang terdiri dalam satu pasukan untuk melakukan hantaran asas bola jaring di tepi padang sebelum tiba giliran mereka sebagai aktiviti memanas badan. Mereka juga dipantau oleh guru rumah sukan mereka. Walaupun beberapa orang guru menegur apa yang saya lakukan sudah terlambat tapi dalam prinsip saya tiada apa yang lambat selagi kita masih berdaya. Apa yang penting adalah usaha dan kegigihan untuk memperbaiki kelemahan diri. Sikap rendah diri amat penting kerana melaluinya kita akan mendapat keberkatan di atas apa sahaja yang dilakukan.

Pada pusingan pertama, pasukan mewakili rumah Laksamana bermain dengan tidak bertenaga. Apa yang saya perhatikan, strategi permainan mereka sangat baik tetapi hantaran bola yang selalu tidak sampai ke pihak mereka. Ini menyebabkan mereka kalah dan tidak menguti mata apa – apa. Kerja berpasukan ini perlu diterapkan dalam diri pemain. Apa yang saya perhatikan apabila tidak ada kerjasama dalam satu pasukan, maka pertahanan pasukan mereka juga akan lemah. Apabila ini terjadi, maka akan menyebabkan tiada persefahaman dalam kumpulan. Selain dari itu, kerjasama dalam kumpulan ini akan mendidik pemain untuk menghargai kawan mereka. Pemain mungkin sudah sering menghadapi masalah dalam kumpulan dan dapat menyelesaikannya, maka masalah disiplin akan dapat dikawal.

Karnival Bola Jaring yang dianjurkan ini ada ramai antara pemain dapat bermain dengan baik terutama pemain rumah Bendahara yang menunjukkan daya juang yang tinggi disamping disiplin dan kerjasama yang baik. Pasukan rumah Laksamana dapat bermain dengan baik juga tetapi melanggar peraturan. Sebagai contoh ada yang berlari sambil membawa bola. Ini kerana kurangnya pendedahan tentang peraturan permainan bola jaring mungkin kerana kali pertama bermain dan menyertai pertandingan ini. Pada pemerhatian saya pemain rumah Syahbandar pula banyak melakukan kesalahan di kawasan D iaitu kawasan jaringan gol. Ini menyebabkan mereka kehilangan peluang untuk mendapat mata bagi pasukannya. Peraturan dalam permainan amat penting dan boleh dikatakan setiap permainan mempunyai peraturan sendiri. Tanpa peraturan, permainan itu tiada keistimewaannya dan pemain juga akan bosan kepada permainan yang tiada peraturan. Akhirnya dalam Karnival Bola Jaring peringkat sekolah ini pasukan Bendahara mendapat tempat pertama, Syahbandar tempat kedua, Temenggong tempat ketiga dan Laksamana mendapat tempat keempat. Syabas! saya ucapkan kepada semua

kumpulan yang mengambil bahagian dalam Karnival Bola Jaring Peringkat Sekolah Tahun 2013.

Pada pendapat saya, pertandingan seumpama ini haruslah diteruskan untuk tahun hadapan. Penyertaan yang lebih meluas dengan membuat jemputan kepada sekolah luar untuk menyertai pertandingan ini, karnival akan menjadi meriah selain memberi pengetahuan kepada pelajar sekolah, cara-cara permainan yang betul dan menarik. Fenomena dewasakini, pelajar lebih berminat kepada permainan yang bercorak teknologi, biarpun begitu, permainan dan pertandingan seperti ini harus diteruskan kerana aktiviti seperti ini melibatkan pergerakan fizikal dan mental pelajar, secara tidak langsung akan melahirkan pelajar yang dikehendaki oleh Falsafah Pendidikan Negera, iaitu insan yang seimbang dan harmonis dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. Berbanding dengan pengetahuan bercorak teknologi hanya memupuk kelahiran pelajar yang intelek dari segi mental tetapi lemah dari segi pergerakan jasmani dan hanya berdasar teori-teori yang tidak dipraktikkan. Berbalik dengan penyertaan yang meluas dari sekolah luar, secara tidak langsung akan melibat penglibatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Ini akan bertambah peranan dari pihak luar atau masyarakat luar yang berminat untuk melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dengan memberi tajaan atau sumbangan dalam bentuk kewangan, hadiah, peralatan dan tenaga. Sumber-sumber seperti ini amatlah dialu-alukan untuk menjaya aktiviti seperti ini dan secara tidak langsung memberi ilmu pengetahuan kepada anak didik saya cara-cara untuk menjadi pemimpin dan melaksanakan tugas yang diamanahkan supaya mencapai satu kejayaan.

Kesimpulan yang boleh saya nyatakan, apa bentuk aktiviti pun, memerlukan perancangan yang baik sedari awal lagi. Penglibatan yang menyeluruh punca utama kejayaan Karnival Bola Jaring ini. Retetan peristiwa yang berlaku, bila saya imbaskan kembali, menjadi panduan tentang kelemahan –kelemahan yang saya dan rakan seperjuangan yang tidak terfikir semasa perancangan dilakukan. Peristiwa seperti ini mengajar saya untuk sentiasa bersedia dan menjadi seorang yang berhati-hati dalam merancang apa sahaja program. Setiap apa yang dilakukan haruslah mempunyai perancangan yang teliti, bagaimana pun, kita harus sentiasa bersedia menghadapi segala kemungkinan yang tidak diduga. Bak kata pepatah ” sediakan payung sebelum hujan”. Syukur kehadiran Tuhan, bagaimana pun saya berjaya melaksanakan sedari awal lagi proses-proses perancangan aktiviti, pelaksanaan program melatih pemain, pengurusan sebelum pertandingan, semasa pertandingan dan akhir pertandingan.

Sekalung ucapan tahnaih kepada jawatankuasa Kelab Bola Jaring dah ahli-ahli kerana sentiasa bersama-sama saya dan guru penasihat mengembeleng tenaga dan usaha untuk merealisasikan Karnival Bola Jaring Peringkat Sekolah 2013 menjadi kenyataan.

Sekian, Terima Kasih.